

# Beri perhatian penjagaan alam sekitar — PM

UM 25 JUL 2000

KUALA LUMPUR 24 Julai- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa sektor swasta supaya memberi perhatian terhadap soal penjagaan alam sekitar dengan meminimumkan pencemaran.

Katanya, kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap alam sekitar, begitupun dalam masa yang sama adalah menjadi tanggungjawab sektor swasta untuk menangani masalah pencemaran.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia adalah antara beberapa negara membangun yang mula-mula mewujudkan Kementerian Alam Sekitar.

Beliau berkata, yang membimbangkan pada masa ini ialah sikap pi-

hak tertentu yang mempunyai agenda sendiri dengan mengemukakan pelbagai tuntutan.

Perdana Menteri berkata demikian pada sesi dialog Sidang Kemuncak Persyarikatan Malaysia di sini, hari ini.

## Fanatik

Katanya lagi, kerajaan tidak boleh fanatik dalam perkara melibatkan alam sekitar.

Menurut beliau, aktivis Switzerland iaitu merujuk kepada Bruno Manser mahukan kaum Penan mengekalkan cara hidup mereka yang menembak monyet untuk makanan.

“Saya tertanya-tanya apa akan terjadi sekiranya penduduk Swiss ting-

gal dalam gua dan masyarakat yang bertamadun berkata biarkan mereka berada dalam gua. Saya tidak fikir rakyat Switzerland akan menghargainya,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, kata Perdana Menteri, beberapa agensi berita asing cuma membesar-besarkan isu alam sekitar bagi melaksanakan agenda mereka sendiri umpamanya berhubung soal jerebu.

“Mereka sebenarnya tidak berminat mengenai alam sekitar,” ujarinya.

Beliau berkata, 56 peratus daripada kawasan di negara ini diliputi hutan bermakna Malaysia adalah ‘sangat hijau’.